

09/11/1998

Perluas kempen beli barang tempatan

MUAR, Ahad - Semua kerajaan negeri disaran memperluaskan kempen membeli Barangan Buatan Malaysia di setiap daerah masing-masing bagi meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai langkah berbelanja dan sekali gus membantu negara menangani kegawatan ekonomi.

Setakat ini, hanya kerajaan Johor yang melaksanakan kempen itu di setiap daerah selepas dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada peringkat kebangsaan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk S Subramaniam, berkata kempen membeli barangan tempatan sudah menunjukkan kesan baik kepada ekonomi negara.

Beliau berkata, kini rakyat menyedari mutu barangan buatan tempatan setanding barangan import.

Justeru, katanya kesedaran itu perlu diperluaskan ke semua lapisan masyarakat.

"Kementerian berharap, kempen beli barangan tempatan diperluaskan di semua daerah seluruh negara oleh kerajaan negeri supaya lebih ramai rakyat sedar tanggungjawab mereka membeli barangan buatan Malaysia.

"Kini, kebanyakan barangan tempatan lebih mudah dikenali kerana ia menampilkan logo Buatan Malaysia yang dicetak pada pembalut atau bungkusan barangan terbabit," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri majlis perasmian Karnival Beli-Belah Barangan Malaysia peringkat daerah Segamat di sini, malam tadi.

Karnival itu dirasmikan Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman.

Subramaniam berkata, kempen itu berjaya mengurangkan barang import walaupun nilainya masih sama berikutan perbezaan tukaran asing yang tinggi.

"Dalam keadaan sekarang, pengguna tidak boleh taksab kepada jenama terkenal seperti pakaian yang didakwa buatan luar negara kerana industri pakaian tempatan juga menghasilkan barangan bermutu tinggi.

"Banyak pakaian tempatan sudah dieksport oleh pengilang yang menerima tempahan untuk pembuatan di bawah lesen negara asing sebelum dicetak dengan jenama mereka dan dihantar semula ke dalam pasaran tempatan," katanya.

Beliau berkata, keadaan itu menyebabkan harga pakaian terbabit mahal dalam pasaran tempatan berikutan populariti jenamanya sedangkan mutunya berupaya ditandingi jenama tempatan.

Katanya, ketika ini pakaian yang dieksport pengilang tempatan menerusi pengeluaran bawah lesen, tidak boleh mempamerkan logo Buatan Malaysia.

"Kerajaan menggalakkan pengeluaran barangan di bawah lesen kerana ia membantu meningkatkan eksport negara dan membuktikan barangan keluaran negara ini bermutu tinggi walaupun ia kembali semula ke pasaran tempatan.

"Dalam hal ini, pengguna tempatan perlu menyedari barangan buatan Malaysia kini bermutu tinggi serta mendapat pengiktirafan antarabangsa," katanya.

(END)